

Tarikh Dibaca: 21 JULAI 2023M / 03 MUHARRAM 1445H



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“DOSA MENGUMPAT DAN MENCACI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"DOSA MENGUMPAT DAN MENCACI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah SWT yang diredai di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**DOSA MENGUMPAT DAN MENCACI**".

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Umat Islam tidak harus membawa dirinya ke lembah dosa dan kehinaan yang mengakibatkan kerugian besar bila kita berhadapan dengan Allah SWT

¹ al-Talak : 4.

² Ali-Imran : 102.



nanti. Dalam khutbah-khutbah Jumaat yang lalu, mimbar sering mengingatkan umat Islam tentang bahayanya perbuatan mengumpat, mencela, mencaci, memaki hamun apatah lagi memfitnah yang mana ianya tergolong di dalam dosa besar yang lebih buruk daripada membunuh. Segala perbuatan dan tingkah laku sebegini rupa bukan hanya menjatuhkan maruah diri malah mengundang kepada sengketa dan permusuhan yang berpanjangan hingga menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sering menasihati umat Islam agar tidak terjerumus di dalam perbuatan terkutuk dan tercela ini. Baginda bimbang jika amalan memfitnah serta caci-mencaci ini tidak dibendung, perpecahan umat Islam khususnya di Selangor ini akan menjadi semakin parah dan tidak terkawal. Perbuatan fitnah dan caci-mencaci ini menjadi lebih ketara dan dilakukan tanpa rasa takut dan malu kepada Allah SWT setiap kali menjelang pilihanraya, seolah-olah musim menjelang pilihanraya adalah pesta yang menghalalkan mencaci maki, mengumpat dan memfitnah antara satu sama lain demi meraih sokongan dan undi dari rakyat.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga pernah berpesan ketika pembubaran Dewan Negeri Selangor pada 19 Jun yang baru lalu bahawa isu-isu berkaitan dengan kaum, agama dan Institusi diraja tidak seharusnya diheret bagi dijadikan bahan berkempen. Baginda menegaskan perkara ini agar perbalahan dan pertelingkahan dalam kalangan umat Islam tidak berlaku dan hubungan antara kaum di Negara ini tidak terjejas. Islam amat mengutamakan keharmonian hidup bermasyarakat dan menekankan umatnya untuk sentiasa berbaik-baik sesama umat Islam dan bertoleransi dengan orang-orang bukan Islam mengikut lunas, batas dan akhlak Islam.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Allah SWT mengingatkan dalam surah al-Hujurat ayat 11 sebagaimana firman-Nya:



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا
خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا
تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ
الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka mereka adalah orang-orang yang zalim."

Perlembagaan Persekutuan telah menjamin Islam sebagai agama Persekutuan dan ianya akan tetap terpahat dan tidak boleh digugat oleh mana-mana pihak. Raja dan Sultan pula berperanan sebagai Ketua Agama bagi negeri-negeri dan mestilah dihormati dan ditaati sama ada suka atau sebaliknya selagi mereka patuh kepada perintah Allah SWT serta tidak menyuruh melakukan maksiat. Sultan adalah payung yang melindungi sekalian rakyat jelata di bawah naungannya. Ini berdasarkan hadis nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma:



عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَهُ، إِلَّا
أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

“Wajib ke atas seorang muslim dengar dan taat (kepada ulil amri) dalam perkara yang dia suka atau benci, melainkan disuruh untuk melakukan maksiat, maka jika disuruh untuk melakukan maksiat, tidak perlu dengar dan taat.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Undang-undang negara kita juga ada memperuntukkan kesalahan bagi mereka yang melakukan fitnah, penghinaan kepada Institusi raja serta mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini seperti Akta Hasutan, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia. Oleh itu, mimbar mengingatkan umat Islam agar berhati-hati dalam apa yang diperkatakan dan jangan sampai menjadi bak kata Pepatah Melayu, ‘terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya’.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Sepanjang tempoh Pilihan Raya Negeri, semua calon dan penyokong diingatkan bahawa tempoh berkempen bukanlah lesen untuk mengumpat, mencela, mencerca, menghina dan memfitnah orang lain dengan sebebarnya. Ingatlah hukum-hakam Allah SWT akan tetap berjalan dalam keadaan apapun, dan tiada sebab yang boleh menghalalkannya. Ingatlah dan takutlah akan siksa Allah SWT yang amat perit yang menanti di akhirat kelak, janji Allah SWT untuk menghukum dan menyiksa mereka yang mengumpat dan memfitnah adalah benar dan tidak boleh sama sekali kita anggap remeh.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam ayat 10-11:



وَلَا تُطِيعُ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

"Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya). Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)."

Di samping itu, telah diriwayatkan daripada Huzaiifah Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَّامٌ

"Tidak akan masuk syurga orang yang mengadu domba."

(Riwayat Muslim).

Oleh itu, mimbar berpesan agar calon-calon serta penyokong yang berkempen tidak mengambil kesempatan untuk memburuk-burukan mana-mana orang atau golongan tertentu dan sering menyalahkan orang lain. Berkempen dan berceramahlah dengan berhemah dengan menggariskan polisi-polisi yang akan dibawa untuk membantu rakyat mengatasi segala permasalahan yang dihadapi mereka. Calon-calon perlu menilai keupayaan dan prestasi diri masing-masing sepanjang perkhidmatan kepada rakyat dan seharusnya memikirkan bagaimana untuk memperbaiki ekonomi dan keharmonian masyarakat di bawah pimpinan mereka. Setiap sesuatu yang baik yang ada pada pihak lawan perlulah diambil sebagai contoh untuk diteladani bagi mempertingkatkan prestasi diri demi memanfaatkan masyarakat yang dipimpin khususnya umat Islam.

Kepada calon-calon yang bakal menjadi pemimpin terutama pemimpin Islam, Agama Islam memberi panduan dan mengingatkan kepada para pemimpin untuk tidak menyalahgunakan kedudukan, pangkat dan kuasa



untuk kepentingan diri atau kepentingan golongan-golongan tertentu. Apabila pemimpin Islam tidak mempunyai sifat amanah dan jujur maka akan rosaklah masyarakat yang dipimpinnya hingga mengakibatkan penganut agama lain memandang rendah terhadap pemimpin Islam.

Selain itu, seluruh rakyat di negeri Selangor terutama pihak pentadbir masjid dan surau diingatkan supaya tidak membenarkan sama sekali masjid atau surau menjadi medan propaganda dan politik kepartian. Sebarang bahan penerbitan berunsur politik tidak boleh dibiarkan sebarannya di kawasan masjid serta surau apatah lagi membenarkan tokoh-tokoh politik menggunakannya untuk tujuan politik kepartian. Masjid serta surau adalah zon aman dan bebas daripada sebarang elemen dan pengaruh politik kepartian demi memelihara keharmonian umat Islam yang mengerjakan ibadah di masjid dan surau. Berilah peluang kepada ahli-ahli kariah masjid dan surau untuk dapat beribadat dan mengikuti pengajian dengan tenang dan aman. Pencerobohan dan ketidakpatuhan terhadap perkara ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan melanggar titah DYMM Sultan Selangor serta ketetapan Majlis Agama Islam Selangor. Tindakan boleh dikenakan terhadap sesiapa yang melanggar ketetapan ini di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Pegawai yang terlibat juga boleh dibatalkan pelantikannya oleh MAIS mengikut Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017.

Hadirin yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Islam melarang umatnya melakukan perbuatan menfitnah, mengumpat, mencaci dan menghina antara satu sama lain. Perbuatan keji sebegini mengundang kemurkaan Allah dan merupakan satu dosa besar

bagi mereka yang melakukannya. Ingatlah hukuman Allah yang amat perit menanti bagi mereka yang melakukan perbuatan ini.

2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa pilihanraya bukanlah lesen untuk melanggar ketetapan Syarak atau melakukan tingkah laku tidak bertanggungjawab dengan melanggar hukum-hakam dan undang-undang.

3. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa masjid serta surau bukan pentas untuk berpolitik sebaliknya merupakan pusat ibadah umat Islam yang perlu bebas daripada sebarang elemen serta pengaruh politik kepartian yang boleh memecahbelahkan perpaduan umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
ذَلِكَ أَمْرُ اللَّهِ أَنْزَلَهُوَ إِلَيْكُمْ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَكْفِرْ عَنْهُ
سَيِّئَاتِهِ وَيُعْظِمْ لَهُ وَاجْرًا

"Peraturan-peraturan yang demikian adalah hukum-hukum Allah yang diturunkan dan diterangkan-Nya kepada kamu; dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan membesarkan pahala balasannya."

(Al-Talaq: 5).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ،
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَهْلِكَ
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk



dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.